



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester III, Sesi Akademik 2021/2022

Kertas Soalan Peperiksaan Akhir

Kod Kursus : SD0307
Nama Kursus : Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah
Peringkat Kursus : Diploma Tertinggi Kebangsaan
Masa : 3 jam

Nota :

Jawab semua soalan-soalan berikut.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan Pertama (17 markah)

1. Terangkan pengertian istilah “Kaedah Fiqh”. (3 markah)
2. Terangkan secara ringkas mengenai period kemantapan Kaedah Fiqh. (4 markah)
3. Adakah Kaedah Fiqh wujud pada zaman Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam (peringkat pertama)? Terangkan dan sertakan contoh. (5 markah)
4. Terangkan lima (5) faedah ilmu Kaedah Fiqh. (5 markah)

Soalan Kedua (17 markah)

1. Sebutkan makna kaedah Al-Yaqinu La Yuzalu Bi Al-Syak dan terangkan huraiannya. (3 markah)
2. Berikan kaedah pecahan bagi masalah-masalah berikut dan terangkan hukumnya.
 - a. Hakim mengadili hukuman antara dua orang, iaitu pemilik hutang dengan orang yang berhutang berselisihan antara keduanya. Di mana orang yang berhutang mengatakan telah melunaskan hutang tersebut, namun pemilik hutang menafikannya dengan sumpah. (3 markah)
 - b. Penjenayah yang melukakan seseorang mengatakan: “Tulah satu kesan luka yang saya cederakan awak”. Namun mangsa mengatakan “Awak cederakan saya pada dua tempat, tetapi saya tutup dan balut di antara keduanya serta nampak satu kesan luka sahaja. (3 markah)
3. Terangkan perbezaan antara al-Zann (الظن) dan al-Syak (الشك). (8 markah)

Soalan Ketiga (14 markah)

1. Berikan satu (1) contoh bagi kaedah pecahan “Apa yang dipegang dalam akad itu ialah maksud dan makna, bukan lafaz dan bentuk perkataan.” (1 markah)
2. Berdasarkan kaedah Al-Umuru Bi Maqasidiha, terangkan hukum bagi perkara-perkara berikut:
 - a. Memerah anggur. (2 markah)
 - b. Fatimah membaca ayat-ayat Al-Quran dalam solat dengan nyaring ketika ibunya sedang memanggilnya. (2 markah)
3. Berikan tiga (3) contoh hukum furu’ kaedah Al-Masyaqqah Tajlibu Al-Taysir (3 markah)
4. Terangkan makna dan huraian kaedah Al-‘Adah Muhakkamah dan berikan satu contoh skop kaedah ini. (6 markah)

Soalan Keempat (12 markah)

1. Huraikan kaedah-kaedah pecahan berikut dan sertakan satu contoh bagi setiap kaedah.
 - a. “Apabila sesuatu itu sempit, hukumnya menjadi luas”. (3 markah)
 - b. “Keadaan darurat ditentukan menurut kadarnya”. (3 markah)
 - c. “Kemudaratan lebih berat dihilangkan dengan melaksanakan kemudaratan lebih ringan”. (3 markah)
 - d. “Menolak kerosakan didahulukan daripada mengambil kemaslahatan”. (3 markah)